

Rombakan Kabinet di tangan PM — Mahathir

PETALING JAYA, Ahad — Sebarang rombakan dalam susunan Kabinet berjiwa rakyat adalah bergantung kepada keputusan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, demikian menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya percaya Perdana Menteri akan menggunakan kebijaksanaannya dalam membuat sebarang pertukaran portfolio," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Persekutuan Kelab-kelab Belia Malaysia di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir enggan mengulas laporan Berita Harian bahawa di samping menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau akan mengambilalih Kementerian Pertahanan dari Datuk Hussein Onn.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang kini dipegang oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka akan disandang oleh Perdana Menteri sendiri.

Perdana Menteri dijangka akan mengumumkan susunan kabinet barunya hari Rabu ini dengan membuat beberapa perubahan penting.

Bercakap mengenai keputusan pilihanraya keseluruhannya, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata rakyat telah menolak parti-parti politik yang membawa isu-isu perkauman dan memberikan kemenangan cemerlang kepada parti-parti yang tidak 'racialist' yang menggunakan simbol Barisan Nasional.

Beliau mensifatkan dakwaan bahawa pilihanraya umum baru-baru ini berunsurkan perkauman sebagai tidak tepat kerana rakyat yang mahukan kestabilan negara yang hanya boleh diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, telah tidak menerima parti-parti yang membawa isu-isu perkauman.

Tipis

"Ini dapat dilihat di Sarawak di mana sego-longan bekas ahli-ahli SUPP yang keluar dari parti itu kerana tidak bersetuju dengan penggunaan simbol Barisan Nasional dan mencuba sendiri sebagai calon Bebas telah kalah kerana mereka berasaskan kepada aliran perkauman," kata Timbalan Perdana Menteri.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata dengan kemenangan cemerlang Barisan Nasional yang memperolehi 131 kerusi Parlimen dari jumlah 154, kemungkinan parti-parti lain untuk merebut kuasa di negara ini adalah amat tipis dalam pilihanraya-pilihanraya akan datang.

Katanya, kalau pun merosot majoriti Barisan Nasional, bilangan itu tidaklah banyak.

Menyentuh tentang pelabur-pelabur asing menambahkan modal mereka di negara ini, Timbalan Perdana Menteri berkata pelabur-pelabur asing akan lebih yakin memandang kestabilan ekonomi dan politik Malaysia berikutan dengan keputusan pilihanraya baru-baru ini.

"Para pelabur memangnya tidak gemar menanam modal di negara-negara yang selalu bertukar pemerintah kerana bila ini berlaku bermakna banyak perubahan polisi terutamanya polisi dari segi pelaburan," katanya.

Katanya, pelabur-pelabur asing juga tidak sanggup menanam modal jika ada kerajaan yang hendak memilikne-garakan perusahaan-perusahaan asing.

Tambahnya, beliau akan pergi ke Amerika Syarikat dan Jepun tahun ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia